



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM)

PUTRAJAYA, 21 Jun 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang merupakan satu program pendidikan muzium berstruktur.

IPIM merupakan satu program yang dirangka menerusi **gabungan pendidikan formal dan tidak formal (pendidikan muzium)** dengan menggunakan pendekatan *'hands on'* terhadap koleksi muzium sebagai sokongan kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pedagogi. Program ini menggunakan **Rancangan Pendidikan Muzium berdasarkan koleksi (artifak)** yang dirangka khusus mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) mata pelajaran Sejarah.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berharap agar program ini dapat **memupuk pemahaman dan kesedaran golongan muda terutamanya pelajar sekolah terhadap kepelbagaian warisan sejarah dan budaya** yang perlu dihargai dan dipertahankan sebagai identiti nasional yang diwarisi bersama. Beliau juga berkata para guru boleh menjadikan institusi muzium ini sebagai sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang mantap dalam usaha meningkatkan kemenjadian murid.

Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium kini **dibuka semula bermula pada 14 Jun 2024**. Kepada pihak sekolah/guru yang berminat untuk menyertai program ini boleh membuat permohonan melalui pautan <http://ipim.jmm.gov.my/form-permohonan-ipim>. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Urus Setia Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 samb. 166.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

21 Jun 2024

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my